

**SULIT**

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM  
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN 2023  
BAHASA MELAYU**

**1103/1**

**Kertas 1  
Oktober  
2 jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

[*Lihat halaman sebelah*]

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan penjagaan kesihatan.**Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang penjagaan kesihatan ketika musim panas.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

Jabatan Meteorologi Malaysia baru-baru ini mengeluarkan amaran mengenai cuaca panas di Semenanjung, terutamanya di utara dan Pantai Timur. Rentetan itu, orang ramai disarankan supaya mengambil langkah berjaga-jaga termasuk minum air kosong secukupnya bagi memastikan tubuh kekal terhidrat dalam tempoh sukar ini.

Sumber: <https://www.kosmo.com.my>

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.**Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Sebagai negara yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan etnik, perpaduan serta integrasi nasional memainkan peranan utama untuk mewujudkan negara yang aman, harmoni, dan makmur. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu menjalankan tanggungjawab untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional terus berkekalan.

Sumber: *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk memastikan perpaduan dan integrasi nasional berkekalan.

2

Menerang malam cahaya bulan,  
Laluan kapal menuju tenggara;  
Kitar semula jadikan amalan,  
Sayangi sungai menjamin sejahtera.

Hendak belayar ke Pulau Melaka,  
Bawa bersama pisang sesikat;  
Elakkan berlaku pembakaran terbuka,  
Kualiti udara semakin meningkat.

Berdasarkan pantun tersebut, anda dikehendaki menulis sebuah rencana berkaitan amalan-amalan untuk menjaga alam sekitar.

Tuliskan rencana tersebut selengkapnya.

**3**

Perkembangan zaman yang semakin maju telah memberi impak besar dalam bidang kesusasteraan Melayu. Cabaran yang jelas dilihat ialah kurangnya permintaan dan penggunaan sastera dalam kalangan masyarakat.

Sumber: <https://dewansastera.jendeladbp.my>

Huraikan cabaran yang dinyatakan dalam petikan berserta cabaran lain dalam perkembangan sastera.

**4**

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh platform tempahan penginapan pelancongan Agoda, sepanjang tahun ini, trend percutian berkumpulan seisi keluarga termasuk dengan rakan menjadi pilihan semula orang ramai di Malaysia. Mengikut tinjauan berkenaan, pada cuti sekolah ini ternyata menjadi pendorong sekali gus merancakkan sektor pelancongan negara terbabit.

Sumber: [bharian.com.my](http://bharian.com.my)

Huraikan faedah-faedah melancong bersama-sama keluarga.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**